



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Selasa, November 15, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

### UPM menang emas memanah Recurve lelaki keseluruhan 18m



Oleh: Muhammad Al-Amin Mustafha

**SERDANG, 6 Nov** - Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi pingat emas acara Recurve Lelaki Keseluruhan 18m dalam Kejohanan Memanah Terbuka UPM kali ke-10, 2016 di Pusat Sukan UPM baru-baru ini.

Pasukan memanah UPM diwakili atlet memanah negara Mohd Fareez Rosli, serta bekas atlet negara Mohd Alif Adha dan Nazir Omar.

Seramai 478 orang atlet memanah elit Malaysia menyertai kejohanan tersebut. Angka itu merupakan rekod baharu penyertaan terbanyak dalam kejohanan memanah yang dianjurkan di Malaysia.

Penganjuran kejohanan itu merupakan satu daripada agenda sukan yang ditakwinkan dalam kalendar tahunan program Persatuan Memanah Kebangsaan yang dianjurkan secara konsisten setiap tahun.

Selain itu, UPM dilantik sebagai Pusat Sukan Tumpuan Sukan Memanah (KPT-UPM). UPM pada sesi kejohanan itu bertanggungjawab menganjurkan kejohanan tersebut sebagai salah satu platform program pembangunan sukan memanah negara.

Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari itu bukan sahaja melibatkan penyertaan atlet dalam negara malah terdapat penyertaan atlet luar negara dari Indonesia.

Berikut keputusan pertandingan:

1) Recurve lelaki keseluruhan 18m

Emas: UPM  
Perak: ATM  
Gangsa: Hulu Langat

2) Compound lelaki keseluruhan

Emas: Excella Archery  
Perak: Excella Archery  
Gangsa: Gambang Shooter

3) Recurve wanita keseluruhan

Emas: Hulu Langat  
Perak: Team x-5  
Gangsa: Hulu Langat

4) Compound wanita keseluruhan

Emas: Excella Archery  
Perak: ATM  
Gangsa: Proton Archery Club

